

09/01/1997

Pas dakwa BN cuba gugat keharmonian

KOTA BHARU, Rabu - Kemenangan Pas pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Pulai Chondong Isnin lalu tidak bermakna seluruh rakyat Kelantan menolak pembangunan atau membelakangkan pentadbiran yang baik, kata Speaker DUN Kelantan, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah.

Sebaliknya, beliau berkata, pendekatan pemimpin Barisan Nasional (BN) yang seolah-olah mahu menggugat keharmonian penduduk Pulai Chondong mengecewakan rakyat dan menyebabkan mereka memilih Pas.

"Pas tidak mempunyai sebab untuk menolak kemajuan, malah kita memang mahukan pembangunan di Pulai Chondong.

"Bagaimanapun, sikap segelintir pemimpin BN yang terlalu mengikut emosi, menyelar keperibadian individu Pas dan mengejek perjuangan Pas, akhirnya memakan diri kerana rakyat tidak senang dengan pendekatan begitu.

"Ini berbeza dengan Pas yang memberi penerangan secara lembut dan lunak kepada rakyat, bukan menyerang," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam yang menganggap kekalahan BN adalah bukti rakyat Kelantan menolak kemajuan dan tidak menghiraukan soal pembangunan.

Dalam pilihan raya kecil DUN Pulai Chondong itu, calon Pas, Zulkifli Mamat menewaskan calon BN, Yusoff Hamzah dengan kemenangan majoriti tipis 118 undi.

Wan Abdul Rahim yang juga Pengarah pilihan raya Pas kawasan Pulai Chondong itu berkata, BN kini seolah-olah sudah menukar taktik berkempen kerana menggunakan pendekatan yang dilakukan oleh parti itu sebelum ini.

Menurutnya, perkembangan politik semasa di Kelantan memamatkan rakyatnya membuat pilihan dan keputusan pilihan raya di Pulai Chondong membuktikan hakikat itu.

Ditanya mengenai kemungkinan beberapa pihak mengaitkan kemenangan Zulkifli dengan sokongan Pemuda Pas, Wan Abdul Rahim berkata, anggapan itu tidak boleh diterima sepenuhnya.

"Semuanya bergantung kepada aliran pengundi kerana ada juga kekuatan melalui Pemuda Pas yang tewas di beberapa peti undi seperti Bagan.

"Zulkifli memang muda jika dilihat pada usia, tetapi beliau 10 tahun lebih matang berbanding Yusoff kalau diukur dari segi pengalaman berdamping dengan masyarakat tempatan," katanya.

(END)